

Pemilihannya bermakna besar, kata pemerhati politik di P. Pinang

BERKESAN BARU BERBAKTI

Oleh
**ZAINAL
A.**

MESKIPUN pendapat umum di Pulau Pinang agak berbeza tentang kemenangan Eneik Anwar Ibrahim sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang baru, tetapi mereka seepakat menyatakan kemenangan itu sangat penting kerana ia menunjukkan bahawa Datuk Haji Suhaimi yang berpengalaman memimpin pergerakan itu selepas Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar mempunyai pengaruh yang tidak boleh diperkecilkan begitu sahaja.

Beberapa orang pengulas politik di sini berpendapat meskipun merisytu itu agak kecil tetapi ia mempunyai makna yang besar bagi sejarah politik dan perjuangan Eneik Anwar.

Seorang pemerhati mengulas kemenangan yang kecil tetapi begitu bererti membuktikan bahawa Datuk Haji Suhaimi yang berpengalaman memimpin pergerakan itu selepas Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar mempunyai pengaruh yang tidak boleh diperkecilkan begitu sahaja.

Berkesan

Dengan eritakata yang lain bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu telah juga memberi khidmatnya kepada Berkesan. Setidak-tidaknya ia dapat menyedarkan dan mengembengkan tenaga ahli-ahli pergerakan tersebut ke tahap yang mereka yang dituntut.

Meskipun tewas dalam pertandingan tersebut tidak semestinya jasa dan bakti Datuk Haji Suhaimi dilupakan begitu sahaja.

Malah sambutan dan derma bakti beliau itu akan tetap dicatatkan dalam liputan sejarah

dan pergolakan pergerakan tersebut yang semakin menghadapi cabaran besar sebagai sayap kanan UMNO, yang menjadi teras politik kepada orang-orang Melayu.

Cabaran ini sebenarnya disambut oleh Eneik Anwar dengan penuh rela semata-mata untuk berbakiti kepada agama, bangsa dan negara.

Ada cakap-cakap yang seolah-olah mengingatkan beliau bila sampai di kemuncak tinggi jangan lupa rakan rumpung yang hijau.

Tetapi menurut penyakung penyakung Eneik Anwar, sifat sebegitu tidak terdapat di kalangan pucuk pimpinan Pergerakan Pemuda sejak dulu lagi.

"Kita tidak perlu membuat telahan yang mengatifi," ujar mereka. Apa yang penting ialah memberi sepenuh keperayaan dan kerajinan kepada Eneik Anwar untuk memimpin pergerakan tersebut.

belakangnya berdiri teguh ribuan ahli dari seluruh beloes tanahair. Kepadanya diletakkan harapan mengganung oleh ahli-ahli pergerakan tersebut. Malah, pucuk pimpinan parti juga menaruh harapan penuh agar beliau dapat memberi pimpinan yang baik terhadap pergerakan tersebut.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang turut menguapakan tabiah kepada Eneik Anwar menyatakan kesediaan untuk membimbing pergerakan itu.

Ini jelas membuktikan bahawa kegiatan pergerakan tersebut sentiasa diberi perhatian wajar oleh pucuk pimpinan negara, kerana dari pergerakan itu akan lahirnya nanti bakal-bakal pemimpin negara.

Memang benar Eneik Anwar menghadapi cabaran besar. Di samping berusaha untuk menyebarkan beberapa perubahan penting termasuk unsur Islam dalam pergerakan yang beliau usulkan, beliau juga perlu memberi perhatian untuk menarik minat generasi muda supaya mengenali secara lebih dekat erti falsafah perjuangan UMNO.

Kebanyakan generasi muda termasuk anak muda yang dihirkan dalam zaman mereka tidak begitu bermat dalam politik. Mereka seolah-olah memertanggungjawabkan soal tersebut kepada generasi yang terdahulu dari mereka.


Tanggungjawab ini sebenarnya akan merugikan kepentingan parti jika tidak disedari sedapat mungkin.

Merugikan

Kalangan generasi muda yang memangnya menarik minat terhadap perjuangan Eneik Anwar begitu berharap agar beliau memberi tumpuan ke arah ini.

"Kami menyenangi beliau menang dan kami juga mengharapkan beliau membimbing dan memberi pengertian tentang strategi UMNO," ujar seorang bekas pelajar yang melatip gambar Anwar di dada akhbar.

Eneik Anwar akan memimpin pergerakan itu mengikut konsepnya iaitu memlipu secara kolektif. Beliau seperti mahu menekankan bahawa konsep dan amalan demokrasi yang sebenar dapat dipraktikkan dalam pergerakan itu.



●SEBAIK-BAIK keputusan pemilihan Ketua Pemuda diumumkan.



● BERUCAP selepas kemenangan